

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MELAKA**

**RANCANGAN PERNIAGAAN
MJ REJECT SHOP SDN. BHD.**

DISEDIAKAN UNTUK :

PUAN ELEY SUZANA

PENSYARAH ASAS KEUSAHAWANAN

DISEDIAKAN OLEH :

**NORMIELIZA ZULKEFLE
(96222253)**

**SYAFIDAH BT MOHD ZIN
(96337628)**

**NORHAYATI BT SALIM
(96884334)**

**FAZILAWATI MOHD ZIN
(96204837)**

**NURUL AINI AB. MALIK
(96949911)**



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh:
Surat Tuan:
Surat Kami:

5hb. Julai 1999
100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963

06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Perakaunan di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Normieliza Zulkefle	96222253
2.	Syafidah bt. Mohd Zin	96337628
3.	Nurul Aini Ab. Malik	96949911
4.	Norhayati Salim	96884334
5.	Fazilawati Mohd Zin	97204873

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarluaskan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

AZIZAH DOLAH
Ketua Kursus DIA
ITM Melaka.
b/p Provos

REJECT



SHOP

SURAT PENYERAHAN

Kumpulan Projek "REJECT SHOP SDN.BHD"

Diploma Perakaunan

Kajian Perakaunan

Universiti Teknologi MARA

Km 26 Jalan Lendu

78 000 Alor Gajah

Melaka.

05 Oktober 1999

Puan Eley Suzana Kasim

Pensyarah ETR 300-DIA 5C

Institut Teknologi MARA

Km 26 Jalan Lendu

78 000 Alor Gajah

Melaka

Puan,


PENYERAHAN RANCANGAN PERNIAGAAN "REJECT SHOP SDN. BHD".

Merujuk perkara di atas kami pelajar Diploma Perakaunan ingin menyerahkan Rancangan Perniagaan bagi projek "Reject Shop" Yang telah lengkap disediakan meliputi aspek-aspek yang diperlukan.

Tujuan kami menyediakan Rancangan Perniagaan ini adalah bagi memenuhi keperluan pelajaran *ASAS KEUSAWANAN (ETR)* yang diwajibkan kepada semua pelajar semester lima.

Rancangan Perniagaan ini menyediakan maklumat-maklumat yang berkaitan yang akan dilaksanakan oleh perniagaan kami.

Kami juga ingin menyatakan kerelaan dan kesediaan kami untuk menerima sebarang maklumat tambahan yang diperlukan berkaitan dengan Rancangan Perniagaan kami ini.



REJECT



2

Kami berharap Rancangan Perniagaan kami ini memenuhi kehendak dan keperluan yang telah ditetapkan, serta menepati dengan tujuan objektif dan matlamat.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

(NORMIELIZA ZULKEFLE)

Pengurus Besar

(SYAFIDAH BT. MOHD ZIN)

Pengurus Pentadbiran

(NORHAYATI SALIM)

Pengurus Pemasaran

(FAZILAWATI MOHD ZIN)

Pengurus Operasi

(NURUL AINI AB. MALIK)

Pengurus Kewangan



PENGENALAN

Bidang perniagaan dan keusahawanan merupakan satu kegiatan ekonomi yang penuh dengan cabaran. Dari itu untuk mencapai tahap kecemerlangan, seseorang usahawan perlu mempunyai sifat yang tabah, gigih, semangat yang tinggi, keyakinan diri disamping bijak merebut peluang-peluang yang ada.

Melihat kepada prospek pertumbuhan dan pembangunan masa depan di kawasan ini, adalah dijangkakan bahawa gedung pakaian kami akan mendominasikan pasaran semasa dan pasaran akan datang.

Kepesatan di dalam pembangunan ekonomi semasa juga telah mendorong kepada pertumbuhan dalam permintaan pasaran. Keadaan ini mendorong kepada peningkatan dalam penubuhan cawangan-cawangan Reject Shop di negara ini.

Berdasarkan pemerhatian, kawasan cawangan kami merupakan kawasan tumpuan orang ramai iaitu kawasan-kawasan perumahan yang berdekatan, pejabat-pejabat swasta dan kerajaan dan menjadi tumpuan para pelancong asing.

Oleh itu kami telah memilih perniagaan ini untuk merebut peluang-peluang yang ada, apatah lagi ia bertepatan dengan langkah kerajaan untuk menambah bilangan usahawan muda di kalangan bumiputera dalam bidang perniagaan. Selain itu, kami amat yakin bahawa perniagaan ini mempunyai potensi yang besar untuk maju. Kami bercadang unuk memulakan perniagaan ini pada tahun 2005.

